

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN
RAKYATMESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang agar warga bukan Islam di negara Malaysia tidak terus difitnah dan diaibkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti Syakir Nasoha yang jelas menggugat keamanan di negara.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu yang dibangkitkan berkait rapat dengan isu perpaduan. Perpaduan merupakan tanggungjawab yang merentas kementerian. Antara kementerian yang terlibat secara langsung dalam memelihara perpaduan di kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama di Malaysia ialah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KMM) dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwah Agama).
2. Pelan jangka pendek untuk memastikan mana-mana pihak, tidak kira bangsa dan agama difitnah dan diabkan ialah dengan menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Contohnya, seksyen 298 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan 'menyebut perkataan-perkataan dengan sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang.' Sesiapa yang sabit kesalaha di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman penjara setahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.
3. Pada 15 Februari 2021, Perdana Menteri pada ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, telah melancarkan Dasar Perpaduan dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030. Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2030 dihasilkan bagi menyokong strategi-strategi dalam Dasar Perpaduan Negara serta menetapkan aspirasi perpaduan yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang. Penggubalan Dasar Perpaduan Negara adalah berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
4. Di samping itu, aspek pendidikan dan kempen turut digembleng supaya rakyat Malaysia sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan saling menghormati selari dengan semangat Keluarga Malaysia.
Sekian, terima kasih.